

# Pelancong luar dibenar masuk mulai 15 November

BH - 23/10/2021 m/s: 2

## Projek rintis Langkawi dijalan selama tiga bulan bagi KKM, MKN nilai keberkesanan

Oleh Saiful Haizan Hasam  
saiful.haizan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pelancong luar negara dibenarkan memasuki Malaysia melalui Gelembung Pelancongan Antarabangsa (*inbound*) bagi projek rintis Pulau Langkawi, bermula 15 November ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 semalam bersetuju dengan cadangan prosedur operasi standard (SOP) yang dibentangkan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC).

Sehubungan itu, katanya, pelancong asing yang berhasrat memanfaatkan gelembung pelancongan antarabangsa itu perlu memenuhi syarat dan mematuhi SOP ditetapkan sepanjang projek

rintis yang akan dijalankan selama tiga bulan.

“Projek rintis ini akan dijalankan selama tiga bulan bagi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) menilai keberkesanannya sebelum dilaksanakan di pulau peranginan serta kawasan pelancongan yang lain,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau menjelaskan, syarat dan SOP ditetapkan merangkumi peringkat prapelepasan, ketibaan dan penginapan serta praperlepasan pulang ke negara asal dengan kumpulan sasaran adalah pelancong berkualiti (*high yield*) dan lengkap vaksinasi COVID-19.

Bagi kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, katanya, mereka wajib hadir bersama ibu bapa atau penjaga masing-masing yang sudah lengkap divaksinasi

dan senarai negara yang penduduknya dibenarkan melancong ke Malaysia tertakluk kepada Jabatan Imigresen, KKM serta Kementerian Luar Negeri.

“Tempoh tinggal adalah sekurang-kurangnya tiga hari, tiada syarat kuarantin dikenakan yang terpakai untuk gelembung pelancongan antarabangsa Langkawi sahaja, melakukan ujian PCR-RT COVID-19 dalam tempoh 72 jam sebelum berlepas dan keputusan ujian wajib dalam bentuk digital atau cetakan.

“Insurans minimum AS\$80,000, wajib menggunakan khidmat pelancongan pengendali pelancongan berlesen di bawah MOTAC, wajib mempunyai pasport dan visa *Health Declaration Form LoU and Indemnity*, memuat turun aplikasi MySejahtera dan mendaftar sebelum berlepas,” katanya.

“Projek rintis ini akan dijalankan selama tiga bulan bagi KKM dan MKN menilai keberkesanannya sebelum dilaksanakan di pulau peranginan serta kawasan pelancongan yang lain”

Ismail Sabri Yaakob,  
Perdana Menteri



Bagi syarat ketibaan dan penginapan pula, Perdana Menteri berkata, jika melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), pelancong perlu melakukan ujian pengesanan air liur dalam masa 1 jam 30 minit sebelum berlepas.

Jika terus ke Langkawi, katanya, pelancong wajib melakukan ujian RT-PCR COVID-19 pada hari kedua dan jika positif, akan terus dibawa ke pusat pengasingan, kuarantin atau hospital swasta mengikut kategori, selain hanya seorang pemandu pelancong dibenarkan dalam satu kumpulan lawatan mengandungi maksimum 20 orang.

Ismail Sabri menjelaskan, sekiranya melancong selama tiga hari, ujian saringan RT-PCR Covid-19 pada hari kedua sudah memadai dan ia boleh digunakan untuk berlepas pulang ke negara asal, manakala jika melancong lebih lima hari, wajib melakukan ujian saringan pada hari kelima dengan semua kos ditanggung sendiri oleh pelancong.

“Ujian RT-PCR Covid-19 diperlukan bagi syarat prapelepasan pulang ke negara asal, iaitu 72 jam sebelum berlepas. Sekiranya melancong selama tiga hari, ujian saringan pada hari kedua boleh digunakan untuk berlepas pulang ke negara asal,” katanya.